

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL  
[SEKIJANG]**

**TARIKH : 2.12.2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mewujudkan lebih banyak rumah mampu milik di kawasan luar bandar khususnya di daerah Segamat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Program rumah mampu milik peringkat nasional adalah diselaraskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan program rumah mampu milik di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar ada disediakan melalui Lembaga Kemajuan Wilayah mengikut liputan wilayah masing-masing.

Bagi Negeri Johor, sebanyak 454 projek pembangunan rumah mampu milik dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) pada tahun 2018, manakala sebanyak 136 buah rumah disasarkan pada tahun 2019 di wilayah KEJORA. Daerah Segamat tidak termasuk di dalam wilayah KEJORA dan tiada projek rumah mampu milik di kawasan berkenaan yang dilaksanakan oleh agensi tersebut.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar turut menyediakan program bantuan rumah PPRT melibatkan projek baik pulih dan bina baharu khusus kepada kumpulan sasar miskin dan miskin tegar yang layak di seluruh negara. Kos pembinaan atau pembaikan di bawah program ini ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan.

Sebanyak RM7.7 juta telah diperuntukkan untuk bantuan rumah PPRT di negeri Johor melibatkan pelaksanaan 50 unit bina baharu dan 312 unit baik pulih. Bagi daerah Segamat, sebanyak RM265 ribu diperuntukkan untuk pelaksanaan 3 unit bina baharu dan 10 unit baik pulih.

Sekian, terima kasih.